

PELIHARA MOMENTUM

■ **Atlet terima insentif diminta kekal prestasi, elak berasa selesa**

Syazwan Msar

syazwan@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Atlet yang memperoleh pelbagai insentif dan ganjaran dinasihatkan tidak terlalu leka atau dibuai mimpi hingga mengganggu fokus untuk mencipta lebih banyak kejayaan.

Menteri Belia dan Sukan Khairy Jamaluddin berkata, insentif dan ganjaran diterima sepatutnya dijadikan sebagai pembakar semangat mencipta kejayaan lebih gemilang, seterusnya mengharumkan nama negara di persada antarabangsa.

Beliau berkata, kebimbangan paling utama beliau apabila setiap atlet menerima insentif dan

ganjaran pihak tertentu mudah leka dan terlepas mengekalkan momentum mencipta pelbagai kejayaan lain.

“Saya berharap setiap insentif atau ganjaran diterima atlet negara

diuruskan dengan baik dan sistematik supaya mereka tidak mudah lalai atau terus berasa selesa hingga mengabaikan matlamat sebenar iaitu terus mencipta kejayaan untuk negara.

“Fokus atlet mengekalkan momentum untuk melakar kejayaan dan jangan jadikan ganjaran atau insentif diterima sebagai penghalang mencapai matlamat itu,”

katanya pada Majlis Penyerahan Sumbangan Daripada Kumpulan Syarikat NAZA Kepada Pemenang Pingat di Sukan Paralimpik

Rio, 2016, di sini, semalam.

Hadir sama pada majlis itu, Mantan Perdana Menteri Tun Abdullah Ahmad Badawi, Penaung Majlis Paralimpik Malaysia Tun Jeanne Abdullah dan Pengerusi Eksekutif Bersama Kumpulan Syarikat NAZA SM Nasarudin SM Nasimuddin.

Pada majlis berkenaan, tiga atlet Paralimpik negara memenangi pingat emas di Sukan Paralimpik Rio 2016, baru-baru ini menerima ganjaran berupa suite kediaman di Trion 888,

Equine Park, Seri

Kembangan, Kenderaan Sukan Pelbagai Guna (SUV) Kia Sportage manakala pemenang pingat gangsa pula membawa pulang kereta Kia Rio Sedan dengan jumlah keseluruhan RM1.5 juta.

Sementara itu, Khairy berharap lebih banyak syarikat swasta tampil memberikan sokongan dalam meningkatkan mutu sukan di negara ini.

“Pembabitan sektor korporat seperti NAZA mampu memberikan nilai tambah dalam usaha kerajaan melahirkan lebih ramai atlet pada masa akan datang yang mampu mencipta pelbagai kejayaan di persada antarabangsa,” katanya.



DARI kiri, Siti Radiah, Ziyad, Abdul Latif dan Mohamad Ridzuan menerima kereta yang disumbangkan, semakan.